

UMS Terima Dana Bagi Project For Happiness 2018

Terakhir dikemaskini: Rabu, 17 Oktober 2018 15:57 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 860

Kongsi 60

Syorkan 60

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 17
OKTOBER**
– Tujuh
aktiviti

kemasyarakatan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah terpilih untuk *Project For Happiness 2018*, sebuah projek tajaan Khind Starfish Foundation yang bertujuan memupuk pelajar bagi menguruskan dan melaksanakan projek komuniti yang dapat memberikan kebahagiaan dan pada masa yang sama menangani masalah kemiskinan dan pendidikan di Malaysia.

Sumbangan dana berjumlah RM38,900 bagi tujuh projek tersebut disampaikan oleh wakil Khind Starfish Foundation, Vincent Chia Si Khiong kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail dalam satu majlis di Pusat Pengajian Pascasiswazah, UMS baru-baru ini.

Prof. Rasid ketika berucap pada majlis tersebut berkata, UMS amat berbangga kerana tujuh daripada 10 projek yang dihantar untuk *Project For Happiness* itu terpilih bagi penyertaan julung kalinya buat UMS.

“Tahniah diucapkan kepada para pelajar yang terlibat dalam menjalankan projek-projek kemasyarakatan ini, dan diharapkan projek-projek tersebut membawa kejayaan yang lebih daripada jangkaan, serta memberi impak yang besar terhadap komuniti.

“Sokongan daripada Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) yang menyokong dan menggalakkan pelajar untuk menyertai program ini amatlah dihargai dan mampu menjadi pendorong kepada fakulti lain untuk turut serta pada masa akan datang,” katanya.

Ujar beliau, diharapkan kerjasama sebegini akan berterusan bagi menggalakkan inisiatif, inovasi dan daya keusahawanan pelajar dalam menggunakan kaedah kreatif bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat setempat.

Tujuh projek yang dijalankan oleh pelajar UMS adalah Projek Penapisan Air Hujan di Kampung Tagasan Jaya, Semporna; Projek HOPE; Projek ‘No More Cloudy Water’ di Papar; Projek ‘Coding 101 Workshop 2018’; Projek Menggalakkan Belia di Tambunan Untuk Mengelak Daripada Pengambilan Alkohol; Projek Kampus Tanpa

Penyedut Minuman Plastik; dan Projek Kelestarian Rekacipta dan Pelaksanaan 'Biosand Filter' di Kg. Singgaraan, Ranau.

Turut hadir pada majlis tersebut Dekan FKJ, Prof. Ir. Dr. Abdul Karim Mirasa dan Pengarah Pusat Jaringan Industri dan Komuniti, Prof. Madya Dr. Coswald Stephen Sipaut @ Mohd. Nasri.